

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[STAMPIN]
TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah peminjam yang akan dimanfaatkan di bawah program moratorium tanpa faedah yang disebutkan dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik. Apakah jumlah yang ditangguhkan pembayaran dalam masa 3 bulan ini dan apakah jumlah faedah yang telah dibatalkan dalam tempoh masa ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Pada bulan Mac 2020, lebih 7.7 juta peminjam individu dan 243,000 perusahaan kecil dan sederhana telah menerima moratorium pertama selama 6 bulan. Sejak itu, bank-bank terus memberikan moratorium dan bantuan bayaran balik pinjaman dalam pelbagai bentuk kepada peminjam yang memerlukannya selepas moratorium pertama berakhir pada bulan September 2020.
2. Susulan pelaksanaan semula perintah kawalan pergerakan yang diperketatkan bermula bulan Jun 2021, sekitar 2.8 juta peminjam telah menerima bantuan bayaran balik pinjaman dalam bentuk moratorium atau pengurangan ansuran pinjaman setakat 15 Oktober 2021.

NO SOALAN : 20

3. Bagi membantu peminjam menguruskan hutang mereka secara menyeluruh untuk jangka masa yang lebih panjang, industri perbankan telah mengumumkan Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (atau URUS) pada 14 Oktober 2021 bagi golongan kumpulan pendapatan 50% terbawah (atau B50), iaitu isi rumah berpendapatan sehingga 5,880 ringgit sebulan yang masih terkesan akibat pandemik COVID-19.

4. Menerusi program ini, peminjam akan mendapatkan pelan kewangan peribadi daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (atau AKPK) yang mengambil kira semua pendapatan peminjam yang mampu diperuntukkan untuk membayar segala hutang peminjam di semua institusi kewangan, selepas mengambil kira segala keperluan hidup. Peminjam juga akan mendapat pengecualian faedah selama tiga bulan dan bantuan bayaran balik pinjaman bagi tempoh sehingga 24 bulan dalam bentuk penangguhan bayaran dan pengurangan bayaran ansuran mengikut kemampuan masing-masing. Program yang menyeluruh daripada AKPK ini bukan sahaja membantu peminjam membuat bayaran balik pinjaman mengikut kemampuan mereka, malah peminjam juga mendapat manfaat melalui nasihat pengurusan kewangan yang boleh meningkatkan daya tahan kewangan mereka dalam jangka masa panjang.

Tan Sri Yang di-Pertua,

5. Berdasarkan unjuran awal bagi program URUS, sekitar 1 juta peminjam B50 dijangka menerima bantuan yang akan melibatkan nilai faedah yang dikecualikan sekitar 1 bilion ringgit. Namun demikian, berdasarkan persekitaran ekonomi yang semakin pulih, wujud kemungkinan jumlah pemohon adalah lebih kecil daripada yang dijangkakan.

6. Berkenaan jumlah yang ditangguhkan pembayaran dalam masa 3 bulan dan jumlah faedah yang telah dibatalkan, adalah sukar untuk menganggar jumlah pembayaran tertangguh kerana bantuan bayaran balik pinjaman akan disesuaikan mengikut kemampuan peminjam.

Sekian, terima kasih.